



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK; EKSTREMIS AGAMA



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYANCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor



"EKSTREMIS AGAMA".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٤﴾	
Saya berpesan kepada diri saya dan para jemaah agar bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi hamba Allah SWT yang diredai di dunia dan di akhirat.	5
Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk " EKSTREMIS AGAMA. "	6
Islam adalah agama yang mudah, sederhana dan praktikal. Posisinya antara dua yang ekstrem, iaitu antara melampau dan meringan-ringankan (بَيْنَ الْإِفْرَاطِ وَالتَّفْرِيطِ). Keindahan agama Islam dengan segala ajarannya disifatkan sebagai rahmat buat sekalian alam. Bahkan, pengutusan Rasul-Nya iaitu Muhammad SAW yang datang	7



bersamanya al-Quran disifatkan sebagai rahmat, petunjuk, penawar, keterangan dan khabar gembira.	
Umat Islam disifatkan sebagai <i>ummatan wasatan</i> iaitu umat yang sederhana, adil dan berimbang dalam seluruh aspek kehidupannya. Ajaran Islam membuahkan kesejahteraan buat seluruh umat manusia.	8
Fahaman ekstremis, radikal atau pelampau wujud dalam setiap kelompok manusia tanpa mengira agama, bangsa atau marga. Sikap ekstrem yang berpunca daripada individu atau kumpulan tertentu tidak seharusnya dipalitkan secara umum kepada keseluruhan kelompoknya kecuali secara jelas ianya menjadi dasar, teras atau ajaran kepada kelompok tersebut. Ekstremis umumnya ialah orang-orang yang melampaui batas dalam sesuatu kaedah, sistem atau undang-undang. Agama secara umum adalah tatacara, tataetika atau tatakelola dalam kehidupan sudah pasti tidak mengajarkan perkara-perkara yang bersifat ekstrem. Apa lagi Islam yang maksudnya ialah kesejahteraan, keselamatan serta keamanan.	9
إِيَّاكُمْ وَالْغُلُوفِ فِي الدِّينِ فَإِنَّهُ أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ الْغُلُوفِ فِي الدِّينِ	10
<i>"Jauhilah kamu bersikap melampau dalam beragama, kerana telah binasa mereka yang sebelum kamu disebabkan melampaunya mereka di dalam beragama."</i> (<i>Riwayat al-Nasai dan Ibn Majah</i>).	11
Sikap ekstrem tidak wajar dalam beragama diingatkan oleh Rasulullah SAW sebagai faktor kebinasaan umat yang sangat dicela Islam. Ekstrem, <i>rigid</i> atau tegar dalam beragama berlaku dalam dua situasi sama ada ekstrem dalam kepercayaan atau ekstrem dalam pengamalan. Hakikatnya, keduanya saling berkaitan iaitu seorang yang	12



<p>ekstrem dalam kepercayaan akan membawa kepada ekstrem dalam pengamalan.</p>	
<p>Ekstrem dalam kepercayaan atau pegangan berlaku apabila taksub serta fanatik buta terhadap sesuatu. Ia disebut fanatisisme iaitu keyakinan salah yang amat kuat. Sikap ini membawa keyakinan bahawa mereka sahaja yang benar sebaliknya yang lain adalah salah, sesat, batil atau kufur. Lantaran muncul dakwaan seperti 'kami sahaja Islam', 'kami sahaja pendukung sunah' atau 'kami sahaja masuk syurga'. Sebab-sebab yang mencetuskan sikap ini antaranya ialah jahil dengan autoriti dalam penentuan hukum-hakam syarak atau perkara usul-furuk, tidak berpegang dengan sumber-sumber autoritatif, menafsirkan nas-nas syarak dengan kaedah yang tidak muktabar, berkepentingan tertentu dan menurut hawa nafsu.</p>	13
<p>Akibatnya, saudara se-Islam dicemuh, dijatuhkan, dizalimi, jenazahnya tidak disolatkan dan lebih parah lagi darah seorang Muslim halal ditumpahkan.</p>	14
<p>Hakikatnya, Islam adalah agama yang mengeluarkan manusia daripada kegelapan, kesempitan dan kezaliman. Rib'ie bin Amir Radiallahuanhu ketika ditanya oleh Rustam iaitu ketua tentera Parsi: "Apakah tujuan kamu datang?" Jawabnya:</p> <p><i>"Kami adalah kaum yang diutuskan Allah SWT untuk mengeluarkan sesiapa yang berkehendak dari menjadi penyembahan hamba kepada menyembah Tuhan Yang Esa, dan mengeluarkan manusia daripada merasai kesempitan dunia kepada keluasan dunia sampai akhirat dan mengeluarkan mereka dari kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam."</i></p>	15



Ekstrem dalam pengamalan berlaku dalam bentuk mempersulitkan diri sendiri atau orang lain dan berlebih-lebihan dalam pengamalan atau pelaksanaan hukum syarak.	16
<p>Rasulullah SAW telah memberi amaran melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">هَلَكَ الْمُتَنَطِّعُونَ، هَلَكَ الْمُتَنَطِّعُونَ، هَلَكَ الْمُتَنَطِّعُونَ</p> <p><i>"Musnahlah golongan pelampau. Musnahlah golongan pelampau. Musnahlah golongan pelampau."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	17
<p>Imam al-Nawawi telah menjelaskan maksud kalimah 'الْمُتَنَطِّعُونَ' sebagai golongan yang melampau dan melepasi had atau batasan dalam perkataan serta perbuatan.</p>	18
<p>Ibn al-Adra' (ابن الأدرع) Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: <i>"Kalian tidak akan dapat melaksanakan urusan (agama) ini dengan memaksakan diri."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Ahmad).</i></p>	19
<p>Hakikatnya, pengamalan hukum-hakam dalam Islam dilaksanakan menurut kedudukan atau keutamaannya sama ada wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Manakala wajib masih diluaskan sama ada dilaksanakan segera (<i>mudayyaq</i>) atau terbuka (<i>muwassa'</i>). Selain itu, perlaksanaannya ditimbang tara sama ada ianya dilaksanakan dengan kaedah '<i>azimah</i> (ketegasan) atau rukhsah (kelonggaran). Sebagai</p>	20



contoh solat yang wajib boleh dilaksanakan sama ada berdiri, duduk, berbaring atau keadaan-keadaan yang mampu dilaksanakan. Atau contoh rukhsah ialah keharusan mengqasarkan solat fardu empat rakaat kepada dua rakaat ketika bermusafir.

Rasulullah SAW mengajarkan kita sekiranya wujud pilihan terhadap sesuatu pengamalan maka pilih kaedah yang lebih mudah. Hadis riwayat Aisyah Radiallahuanha bermaksud: "*Rasulullah SAW tidak memilih di antara dua perkara kecuali Baginda SAW memilih perkara yang lebih mudah di antara keduanya selama mana ianya tidak berdosa. Sekiranya berdosa Baginda SAW adalah orang yang paling utama menghindarinya.*"
(Riwayat al-Bukhari).

21

Rasulullah SAW pernah menegur seorang sahabat yang dilihat tersangat penat, lemah dan menderita dalam mengerjakan Haji dengan berjalan kaki kerana nazar. Sabda Rasulullah SAW sebagaimana dirriwayatkan oleh Anas Radiallahuanhu yang bermaksud: "*Sesungguhnya Allah SWT tidak memerlukan lelaki ini menyeksa dirinya sendiri.*" (Riwayat al-Bukhari).

22

Sungguh, Islam agama yang mudah, sederhana dan praktikal. Abu Hurairah Radhiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ فَسَدِّدُوا وَقَارِبُوا
وَأَبْشِرُوا وَاسْتَعِينُوا بِالْغَدْوَةِ وَالرُّوحَةِ وَشَيْءٍ مِنَ الدُّلْجَةِ

23



"Sesungguhnya agama ini mudah, dan tidaklah seseorang yang memberatkan urusan agamanya melainkan dia akan dikalahkannya (lemah dan tidak berupaya melaksanakannya), maka tepatkanlah (bersederhana), dekatkanlah (dengan mendekati kesempurnaan), bergembiralah (dengan amalan sedikit tetapi berterusan) dan mintalah bantuan dengan (melaksanakan ketaatan pada waktu-waktu yang membangkitkan semangat) di waktu pagi, petang dan penghujung dari waktu malam."

24

(Riwayat al-Bukhari).

Mengakhiri khutbah ini, marilah kita sama-sama menghayati dan mengambil pengajaran seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah mengetahui bahawa Islam adalah agama yang mudah, sederhana dan praktikal sesuai dengan fitrah kejadian manusia yang dapat dipraktikkan dalam semua situasi, masa dan tempat.

2. Umat Islam hendaklah menyedari sikap ekstrem dan radikal dalam beragama hanya akan menjadi penyebab munculnya fitnah, kemudaratan dan kehancuran umat. Jauhi sikap prejudis, tidak boleh bertolak-ansur, memaksa orang lain dengan satu pandangan, berlebihan dan bersikap kasar.

3. Umat Islam hendaklah menginsafi bahawa ilmu pengetahuan adalah kunci dalam menyelami keindahan serta kesempurnaan beragama bahkan memperoleh kejayaan di dunia serta akhirat.

25



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَأَمَّا مَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُ جَزَاءٌ الْحُسْنَىٰ وَسَنَقُولُ لَهُ مِنْ أَمْرِنَا يُسْرًا</p> <p style="text-align: right;">﴿٨٨﴾</p>	26
<p><i>“Adapun orang yang beriman serta beramal soleh, maka baginya balasan yang sebaik-baiknya; dan kami akan perintahkan kepadanya perintah-perintah kami yang tidak memberati.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Al-Kahf: 88)</i></p>	27
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	28
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	29



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah.	17



<p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	18
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	20
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22